

27 APR 2001

Musa-Canselor

DATUK PROF DR MUHAMAD ZOHADIE BARDAIE NAIB CANSELOR BARU UPM

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Bekas timbalan naib canselor pembangunan Universiti Putra Malaysia (UPM) Datuk Prof Dr Muhamad Zohadie Bardaie dilantik sebagai Naib Canselor UPM yang baru berkuatkuasa 18 April lepas.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad ketika mengumumkan pelantikan itu hari ini berkata pelantikan Dr Muhamad adalah untuk tempoh tiga tahun sehingga 17 April 2004.

"Beliau menggantikan Tan Sri Prof Dr Syed Jalaludin Syed Salim yang tamat perkhidmatan pada 17 April lalu," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pameran dan Persidangan Kebangsaan mengenai Pembelajaran Elektronik (E-learning 2001) di sini hari ini.

Pada majlis pelancaran itu beliau menyaksikan 18 syarikat pempamer menandatangani memorandum sokongan untuk menyertai E-learning 2001.

E-learning 2001 akan diadakan pada 7-10 Jun depan dan dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Musa berkata Dr Muhamad dilantik sebagai Naib Canselor UPM kerana kepakaran dan kebiasaan beliau dengan proses pentadbiran universiti itu.

Dr Muhamad, 51, berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dari Cornell University, New York dalam bidang kejuruteraan dan menjadi ahli akademik UPM sejak tahun 1988.

Beliau pernah menjadi Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM pada tahun 1988 sehingga 1993 sebelum dilantik Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UPM sehingga 1999.

Jawatan terakhir yang disandangnya sebelum pelantikannya sebagai Naib Canselor adalah Profesor di Fakulti Kejuruteraan, UPM.

Musa juga mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju menempatkan kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di tapak seluas 188.72 hektar di Mukim Setul, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

"Pembinaannya akan dimulakan secepat mungkin dan dijangka siap dalam masa satu setengah tahun," katanya sambil menjelaskan bahawa langkah itu selaras dengan keputusan kerajaan menubuhkan empat universiti di Negeri Sembilan, Melaka, Perlis dan Pahang dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

KUIM yang ditubuhkan pada 1997 kini beroperasi di kampus sementara di Institut Profesional Baitulmal, Kampung Pandan.

Musa berkata dengan pembinaan kampus tetap KUIM, ia akan dapat menambah pengambilan pelajarinya sehingga 5,000 menjelang 2005 selain dapat memperbanyakkan program pengajiannya seperti teknologi maklumat.

-- BERNAMA

AT AHH RON